



IBU PEJABAT JPS MALAYSIA



SURAT PEKELILING JPS BIL. 2/2004

GARIS PANDUAN BAGI PENGURUSAN HARTA INTELEK YANG DIMILIKI OLEH KERAJAAN DAN AGIHAN SAGUHATI HASIL PENYELIDIKAN YANG DIKOMERSIALKAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI AWAM (PELAKSANAAN PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1999)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan tindakan-tindakan yang perlu diambil berhubung dengan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1999 bertajuk “ Garis Panduan Bagi Pengurusan Harta Intelek Yang Dimiliki Oleh Kerajaan Dan Agihan Saguhati Hasil Penyelidikan Yang Dikomersialkan Kepada Pegawai-Pegawai Awam. “

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Pengeluaran Surat Pekeliling ini adalah bagi menyediakan garis panduan yang seragam untuk memudahkan semua pejabat JPS mempatentkan penghasilan teknologi masing-masing.

3.0 **PELAKSANAAN**

- 3.1 Semua pejabat JPS adalah dikehendaki mengenalpasti penghasilan teknologi yang mungkin dipatentkan dan mengemukakan kepada Bahagian Khidmat Pakar, Ibu Pejabat JPS, selaku urusetia pengumpulan maklumat.
- 3.2 Bahagian Khidmat Pakar akan menyemak maklumat-maklumat yang dikemukakan dan membentangkannya kepada Jawatankuasa Harta Intelek Ibu Pejabat JPS seperti dinyatakan dalam Para 12 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1999 dan seterusnya kepada Jawatankuasa Mesyuarat Ketua Bahagian Ibu Pejabat JPS.
- 3.3 Sekiranya dipersetujui, ianya akan dikemukakan oleh Bahagian Khidmat Pakar kepada pihak SIRIM untuk penentuan samada ianya sudah atau belum dipatentkan oleh pihak lain.
- 3.4 Sekiranya pihak SIRIM mengesahkan ianya masih belum dan boleh dipatentkan, Bahagian Khidmat Pakar akan memaklumkan kepada Jawatankuasa Mesyuarat Pembangunan JPS dan seterusnya menguruskan pengeluaran hak cipta / terbitan / komersial dan pengagihan saguhati kepada yang berkenaan jika hak cipta dikomersialkan.
- 3.5 Cartaliran Pengurusan Harta Intelek adalah sebagaimana **Lampiran A**.

4.0 **PENGUATKUASAAN**

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

(DATUK IR. HJ. KEIZRUL BIN ABDULLAH)
Ketua Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia.

Mac 2004

CARTA PENGURUSAN HARTA INTELEK
(Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/1999)

